

## **Soalan Lazim bagi Pelajar Yang Masuk Ke Kampus Semasa Perintah Kawalan Pergerakan 2.0**

Frequently Asked Questions (FAQ) for Students who are Entry to Campus during Movement Control Order 2.0

### **A. KEMASUKAN KE KAMPUS DAN PENGASINGAN PELAJAR**

1. Soalan: **Siapakah yang dibenarkan masuk ke kampus semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?**

Jawapan: Berdasarkan Pekeliling Pentadbiran Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) (UTM.J.06.01/10.12/22Jld. 2(44) bertarikh 15 Februari 2021 telah menetapkan pelajar kategori berikut dibenarkan masuk ke kampus:

- i. Pelajar berstatus "Tidak Selesai" dan semester II Sesi 2019/2020 dan Semester I Sesi 2020/2021;
- ii. Pasca Siswazah Tahun Akhir Mod Penyelidikan yang perlu menggunakan makmal;
- iii. Pelajar yang mempunyai kursus yang melibatkan PdP fizikal seperti bengkel, studio, makmal atau peralatan khusus;
- iv. Pelajar yang menduduki peperiksaan akhir tahun dalam kampus UTM;
- v. Pelajar dalam kes-kes khas (selain yang dinyatakan di atas); dan
- vi. Pelajar yang menghadapi pembelajaran yang tidak kondusif seperti masalah internet, ruang belajar di kediaman, keluarga dan lain-lain.

Pelajar perlu memohon kepada pihak Sekolah/Fakulti dan disokong oleh penasihat akademik masing-masing, manakala bagi pelajar pascasiswazah, permohonan perlu melalui Sekolah/Fakulti dan disokong oleh Penyelia. Surat kelulusan akan dikeluarkan oleh pihak Jabatan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar.

Pelajar perlu mendapatkan permit merentas daerah dan negeri dari pihak PDRM.

Sila rujuk '[Carta Alir Permohonan Kemasukan Ke Kampus Semasa PKP 2.0](#)'

Maklumat lanjut pelaksanaan pembelajaran semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, sila rujuk [Pekeliling Akademik Bil.1/2021: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Semester II, Sesi 2020/2021](#)

2. Soalan: **Adakah kategori pelajar seperti dalam Pekeliling yang dikeluarkan terpakai kepada pelajar luar kampus yang menyewa di luar kampus?**

Jawapan: YA. Pekeliling ini terpakai juga pelajar prasiswazah dan pascasiswazah yang menyewa di luar.

3. Soalan: **Apakah tindakan yang perlu saya lakukan sebelum masuk ke kampus semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?**

Jawapan: Bagi pelajar yang telah menerima surat kebenaran masuk kampus, sila rujuk surat berkenaan berkaitan tindakan yang perlu dilakukan sebelum masuk ke kampus.

4. Soalan: **Adakah pelajar wajib menggunakan aplikasi MySejahtera sepanjang berada di kampus?**

Jawapan: YA. Pelajar perlu menggunakan aplikasi MySejahtera semasa berada dalam kampus untuk tujuan 'contact tracing' pihak KKM.

Selain itu, pelajar juga perlu mendaftar masuk (check in) setiap kali mengunjungi tempat atau lokasi yang dituju sepanjang berada dalam kampus UTM.

5. Soalan: **Apa perbezaan Pusat Isolasi dan Pusat Kuarantin?**  
Jawapan: *Pusat Isolasi adalah tempat pengasingan untuk tempoh selama 10 hari bagi pelajar yang akan masuk menginap di kampus. Ini bagi memantau tahap kesihatan dan risiko pelajar sebagai langkah mengawal penularan pandemic COVID-19. Tahap kesihatan pelajar akan dipantau secara berkala sepanjang tempoh pengasingan.*
- Pusat Kuarantin adalah tempat yang disediakan untuk pelajar yang mempunyai gejala COVID-19 semasa tempoh pengasingan dan untuk kes positif COVID-19 kategori 1 atau 2 yang diarahkan oleh KKM untuk Kuarantin Kendiri.*
6. Soalan: **Siapakah yang perlu menjalani proses isolasi?**  
Jawapan: *Semua pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa yang sedang berada di Malaysia yang ingin menginap dalam kampus WAJIB menjalani proses Isolasi selama 10 hari di Pusat Isolasi.*
- Bagi pelajar antarabangsa yang dari negara asal dan ingin masuk ke Malaysia, perlu perlu mengikuti SOP kemasukan pelajar antarabangsa.  
Sila rujuk '[Flow Chart for New Student Returning to UTM](#)' ATAU;  
rujuk '[Flow Chart for Existing Student Returning to UTM](#)'.*
7. Soalan: **Jika saya telah menjalani kuarantin di tempat saya sebelum ke UTM, adakah saya perlu menjalani isolasi ketika berada di UTM?**  
Jawapan: *Bagi pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa yang sedang berada di Malaysia yang ingin menginap dalam kampus WAJIB menjalani tempoh isolasi dalam UTM selama 10 hari walaupun telah menjalani kuarantin di rumah.*
- Bagi pelajar antarabangsa yang baru tiba di Malaysia **TIDAK PERLU** menjalani isolasi di kampus. Pelajar antarabangsa dari luar negara dibenarkan masuk ke kampus setelah menjalani kuarantin di Pusat Kuarantin yang di uruskan oleh pihak NADMA. **Pelajar antarabangsa perlu membuat 'self-assessment' di asrama masing-masing sehingga hari ke-14 dan akan dipantau oleh Pusat Kesihatan Universiti (PKU) melalui Penilaian Kendiri Kesihatan (Health Assesment Tools – HAT).***
8. Soalan: **Bagi pelajar yang keluar masuk ke kampus secara harian, adakah perlu diisolasi dan menjalani ujian swab?**  
Jawapan: ***TIDAK PERLU.** Akan tetapi bagi pelajar kemasukan harian yang tidak menginap di dalam kampus hanya dibenarkan ke makmal dan tempat tertentu di dalam UTM. Pelajar tidak dibenarkan berkunjung ke kolej kediaman atau asrama pelajar.*
- Perlu dipastikan bahawa '**hotspot tracker**' dalam aplikasi MySejahtera dikawasan kediaman pelajar mestilah **tidak melebihi 10 kes dan ke atas**. Jika 'hotspot tracker' MySejahtera menunjukkan terdapatnya 10 kes dan ke atas, pelajar dinasihatkan untuk **MENANGGUHKAN kemasukan ke kampus**.*
9. Soalan: **Siapakah yang perlu menjalani Ujian Swab sebelum masuk ke kampus?**  
Jawapan: *Pelajar kategori berikut perlu menjalani Ujian Swab:*
- Pelajar yang bergejala dan mengalami gejala COVID-19;*
  - Semua pelajar Sabah dengan menjalani ujian swab RT PCR (3 hari sebelum berlepas).*

10. Soalan: **Jika saya telah menjalani Ujian Swab tetapi belum mendapat keputusan, bolehkah saya masuk ke kampus?**  
Jawapan: **TIDAK.** Pelajar perlu mendapatkan keputusan Ujian Swab terlebih dahulu sebelum masuk ke kampus.
11. Soalan: **Adakah saya perlu menanggung kos penginapan semasa menjalani proses isolasi?**  
Jawapan: Kos penginapan semasa isolasi adalah di bawah tanggungan pihak Universiti. Walau bagaimanapun, kos makan minum sepanjang tempoh isolasi adalah di bawah tanggungan pelajar.
12. Soalan: **Adakah semasa menjalani proses isolasi, saya boleh meneruskan PdP?**  
Jawapan: **YA.** Pelajar dibenarkan mengikuti PdP secara dalam talian semasa tempoh proses isolasi.
13. Soalan: **Adakah ahli keluarga/kenalan boleh melawat saya semasa saya sedang menjalani proses isolasi?**  
Jawapan: **TIDAK.** Pelajar tidak dibenarkan menerima pelawat semasa menjalani proses isolasi.
14. Soalan: **Adakah saya boleh ke kolej kediaman untuk mengambil barang keperluan atau alat bantuan pembelajaran di kolej/stor kolej sebelum masuk ke Pusat Isolasi?**  
Jawapan: **TIDAK.** Pelajar yang tiba di pintu masuk perlu melaporkan diri dan mendaftar masuk di Pusat Isolasi bagi mengelakkan risiko kebolehjangkitan. Pihak Universiti akan menyediakan semua keperluan harian seperti cerek, seterika, kemudahan WiFi dan sebagainya.  
  
**Hanya pelajar yang masuk ke kampus secara harian (tidak menginap) dibenarkan mengambil barang di kolej untuk tempoh selama 45 minit sahaja.**
15. Soalan: **Adakah saya dibenarkan ke kolej atau ke arked/ berjumba kenalan sebelum masuk ke Pusat Isolasi?**  
Jawapan: **TIDAK.** Pelajar yang tiba dipintu masuk perlu menuju ke Pusat Isolasi untuk mendaftar masuk. Pelajar tidak dibenarkan berkeliaran atau membuat sebarang urusan lain bagi mengelakkan risiko kebolehjangkitan.
16. Soalan: **Apa tindakan seterusnya selepas pelajar menjalani proses isolasi selama 10 hari?**  
Jawapan: Pelajar akan diberikan surat pelepasan dan dibenarkan menginap di Kolej Kediaman.
17. Soalan: **Bolehkah saya datang awal ke UTM?**  
Jawapan: **BOLEH.** Pelajar perlu mendapatkan Surat Kebenaran Khas daripada Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar). Pelajar yang tiba di pintu masuk perlu melaporkan diri dan daftar masuk (check-in) di Pusat Isolasi untuk menjalani tempoh isolasi (pengasingan) selama 10 hari.

18. Soalan: **Dimanakah Pusat Isolasi UTM?**

Jawapan: Lokasi Pusat Isolasi adalah seperti berikut:

**UTM Kampus Johor Bahru**

**Kolej Rahman Putra (KRP)** bagi pelajar lelaki

**Kolej Tun Fatimah (KTF)** bagi pelajar perempuan

\*pengambilan kunci di **Blok G 08 (pelajar lelaki)** dan **Blok H 04 (pelajar perempuan)** daripada Pengawal Keselamatan yang akan bertugas 24 jam.

**UTM Kampus Kuala Lumpur**

**Kolej Siswa Jaya (KSJ)** bagi pelajar lelaki dan perempuan

\*pengambilan kunci di **Blok B** daripada Pengawal Keselamatan yang akan bertugas 24 jam.

19. Soalan: **Jika selepas 10 hari saya menjalani isolasi dan disyaki mempunyai simptom, adakah tempoh isolasi akan dilanjutkan lagi?**

Jawapan: Setelah tamat 10 hari isolasi pelajar dibenarkan daftar masuk ke kolej kediaman. Jika pelajar mempunyai gejala COVID-19, pelajar perlu mengikuti SOP di kolej dengan melaporkan kepada pihak yang berkenaan. Pihak PKU akan menjalankan pemeriksaan dan penilaian. Jika simptom adalah memenuhi kriteria yang ditetapkan, pelajar akan dirujuk ke Klinik Kesihatan KKM untuk rawatan selanjutnya.

Sekiranya BERGEJALA, pelajar perlu menghubungi talian COVID-19 Hotline di Pusat Kesihatan Universiti iaitu jika **PKU UTMJB (011- 33340646)** dan **PKU UTMKL(017-9833009)** pada waktu pejabat atau talian kecemasan di **PKU UTMJB (07-5530999)** untuk dilakukan penilaian lanjut.

20. Soalan: **Bolehkah ibu bapa/ penjaga/ kenalan saya menghantar saya atau barang keperluan ke Pusat Isolasi UTM?**

Jawapan: **YA.** Ibu bapa/ penjaga/ kenalan **dibenarkan** menghantar pelajar atau barang keperluan ke Pusat Isolasi. Hanya **seorang pemandu dan seorang penumpang sahaja dibenarkan** ke Pusat Isolasi. Maksimum **empat (4) buah kenderaan dibenarkan** berada di parkir pusat isolasi pada masa masa tertentu.

21. Soalan: **Bolehkah ibu bapa/ penjaga/ kenalan saya membantu saya memunggah barang saya dari Pusat Isolasi ke Kolej Kediaman selepas tamat tempoh pengasingan?**

Jawapan: Ibu bapa atau kenalan tidak dibenarkan membantu memunggah barang setelah pelajar keluar daripada Pusat Isolasi. Pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) akan menguruskan pengangkutan pelajar dari Pusat Isolasi ke kolej kediaman bagi yang memerlukan pengangkutan. Ibu bapa atau pelawat yang masuk ke kampus adalah tertakluk kepada SOP Kemasukan Pelawat ke UTM dan tidak dibenarkan ke kawasan asrama pelajar.

22. Soalan: **Bolehkah saya mendapat kelulusan harian bagi menjalankan gerak kerja aktiviti dalam kampus seperti gerak kerja persiapan acara atau majlis-majlis rasmi universiti seperti Pilihan Raya Kampus atau untuk menjalani latihan khas seperti latihan PALAPES atau SUKSIS?**

Jawapan: **BOLEH.** Sila kemukakan nama kepada Pegawai Hal Ehwal Pelajar untuk mendapatkan surat kebenaran masuk. Sila ambil maklum, bahawa pelajar **perlu memohon 3 hari sebelum masuk ke kampus** untuk mendapatkan surat kebenaran masuk kampus.

Perlu dipastikan bahawa '**hotspot tracker**' dalam aplikasi MySejahtera dikawasan kediaman pelajar mestilah tidak melebihi 10 kes dan ke atas. Jika 'hotspot tracker' MySejahtera menunjukkan terdapatnya 10 kes dan ke atas, pelajar dinasihatkan untuk **MENANGGUHKAN** kemasukan ke kampus.

23. Soalan: ***Jika kebenaran masuk ke kampus secara harian saya telah tamat tempoh dan saya ingin melanjutkan kemasukan sehingga ke semester hadapan, adakah saya perlu membuat permohonan baharu?***
- Jawapan: ***Bagi pelajar yang ingin membuat pelanjutan masuk kampus secara harian, pelajar perlu membuat permohonan pelanjutan dari Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) melalui Timbalan Pendaftar Hal Ehwal Pelajar ([tphep@utm.my](mailto:tphep@utm.my)). Pihak sekretariat akan emelkan surat pelanjutan kepada pelajar. Pelajar perlu menyemak emel daripada masa ke semasa.***
24. Soalan: ***Bagi pelajar yang telah berada dalam kampus, adakah dibenarkan untuk keluar dan masuk kampus bagi tujuan membeli barang keperluan harian?***
- Jawapan: ***Pelajar yang telah berada dalam kampus adalah tertakluk kepada peraturan sedia ada. Pelajar dibenarkan keluar dan masuk dari **jam 7.00 pagi sehingga 8.00 malam** sahaja. Setiap pelajar di kolej akan dibekalkan **kad pergerakan pelajar**.***
25. Soalan: ***Bolehkah pelajar yang telah berada dalam kampus pulang ke kediaman atau kampung masing-masing?***
- Jawapan: ***Pelajar dibenarkan pulang sekiranya berada dalam **10 km radius**. Jika ada keperluan melebihi 10 km radius, pelajar perlu mendapatkan surat khas daripada pengetua atau pegawai Hal Ehwal Pelajar (bergantung kepada pertimbangan khas).***
26. Soalan: ***Siapakah yang boleh dihubungi jika saya ada pertanyaan lanjut mengenai kemasukan ke kampus?***
- Jawapan: ***Pelajar boleh menghubungi:-***
- Talian Hotline HEP:**  
+6 011-186 87022/ +6 019-731 0674 (kampus UTM JB)  
+6 017-242 4122/ +6 013-393 1117 (kampus UTM KL)
- Facebook JTNCHEP:**  
[UTM Student Affairs](#) atau [Heputmkl Utmkl](#)
- Emel Helpdesk JTNCHEP:**  
[helpdesk.hep@utm.my](mailto:helpdesk.hep@utm.my) atau [tphep@utm.my](mailto:tphep@utm.my);
27. Soalan: ***Ibu bapa tidak membenarkan saya masuk ke kampus kerana bimbang saya dijangkiti COVID-19. Apakah yang perlu saya lakukan?***
- Jawapan: ***Pelajar dinasihatkan untuk terus tinggal di rumah jika tiada keperluan masuk ke kampus.***

## **B. PERGERAKAN PELAJAR DARI SABAH DAN SARAWAK KE DALAM KAMPUS**

28. Soalan: **Bagaimana pergerakan pelajar berkeperluan dari Sabah yang akan kembali ke kampus UTM?**  
Jawapan: Pelajar dari Sabah **DIWAJIBKAN** menjalani Ujian RT-PCR dalam tempoh tiga (3) hari sebelum penerbangan. Kos Ujian Swab bagi kemasukan pelajar dari Sabah akan dibiayai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).  
*Walau bagaimanapun, pelajar dari Sabah yang menginap dalam kampus perlu menjalani proses isolasi selama 10 hari di Pusat Isolasi yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti.*
29. Soalan: **Bagaimana pergerakan pelajar berkeperluan dari Sarawak yang akan kembali ke kampus UTM?**  
Jawapan: Pelajar dari Sarawak **TIDAK DIWAJIBKAN** menjalani Ujian Swab.  
*Walau bagaimanapun, pelajar dari Sarawak yang menginap dalam kampus perlu menjalani proses isolasi selama 10 hari di Pusat Isolasi yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti.*
30. Soalan: **Apakah yang perlu dilakukan oleh pelajar yang diwajibkan menjalani Ujian Swab di fasiliti/ klinik/ hospital kerajaan?**  
Jawapan: Pelajar perlu membawa surat panggilan kemasukan IPT dan mengemukakan kepada Pusat Kesihatan Daerah untuk mendapatkan temu janji bagi tujuan pelaksanaan Ujian Swab RT-PCR. Seterusnya pelajar perlu menjalani Ujian Swab mengikut tarikh dan lokasi yang telah ditetapkan dalam temu janji yang dibuat oleh Pusat Kesihatan Daerah.
31. Soalan: **Adakah kos Ujian Swab ditanggung oleh Universiti?**  
Jawapan: Kos Ujian Swab bagi kemasukan pelajar Sabah ke Semenanjung akan dibiayai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
32. Soalan: **Adakah pengangkutan akan disediakan oleh pihak UTM untuk pelajar dari Sabah dan Sarawak yang tiba Lapangan Terbang KLIA atau Lapangan Terbang Senai?**  
Jawapan: Bagi pelajar dari Sabah dan Sarawak, pihak UTM akan menyediakan pengangkutan kepada pelajar yang tiba di Lapangan Terbang KLIA dan Lapangan Terbang Senai. **Pelajar dinasihatkan untuk mengaturkan jadual perjalanan penerbangan sebaik-baiknya.**  
*Untuk tempahan pengangkutan, sila berurusan dengan Penyelaras Pergerakan Pelajar Sabah dan Sarawak, **Ts. Dr Syamsul Hendra bin Mahmud:***  
*Telefon bimbit: +6 017-701 0017;*  
*E-mel: [b-syamsul@utm.my](mailto:b-syamsul@utm.my).*
33. Soalan: **Adakah saya perlu membayar kos pengangkutan yang disediakan oleh pihak Universiti yang mengambil saya di lapangan terbang?**  
Jawapan: **TIDAK.** Kos pengangkutan yang disediakan akan ditanggung oleh pihak Universiti.
34. Soalan: **Saya menghadapi masalah untuk menguruskan jadual penerbangan kerana tiket mahal dan tidak dapat daftar masuk. Apakah solusi bagi masalah saya?**  
Jawapan: Sila berhubung dengan Penyelaras Pergerakan Pelajar Sabah dan Sarawak, **Ts. Dr Syamsul Hendra bin Mahmud (+6 017-701 0017)** untuk mendapatkan jadual dan maklumat terkini berkaitan penerbangan ke semenanjung. Pihak MAS juga turut menyediakan diskaun tertentu untuk pelajar dari Sabah dan Sarawak.

### **C. PERGERAKAN PELAJAR ANTARABANGSA DARI LUAR NEGARA KE DALAM KAMPUS**

35. Soalan: **Adakah pelajar antarabangsa perlu menjalani Ujian Saringan COVID-19 di negara asal sebelum masuk ke kampus?**  
Jawapan: **YA.** Semua pelajar antarabangsa yang datang dari luar negara **WAJIB** membuat Ujian Saringan COVID-19 **tiga (3) hari sebelum tarikh berlepas** ke Malaysia dan laporan ujian tersebut perlu ditunjukkan kepada pegawai bertugas di Pintu Masuk Antarabangsa semasa ketibaan.  
*Manakala bagi pelajar antarabangsa yang sedang berada dalam Malaysia, sila rujuk FAQ No.7.*
36. Soalan: **Adakah keputusan Ujian Saringan COVID-19 yang melebihi tiga (3) hari sebelum tarikh berlepas diterima di Pintu Masuk Antarabangsa?**  
Jawapan: **TIDAK.** Keputusan Ujian Saringan COVID-19 yang melebihi tiga (3) hari sebelum tarikh berlepas **tidak sah**. Pelajar **WAJIB** menjalani Ujian Saringan COVID-19 sekali lagi di Pintu Masuk Antarabangsa dan menjalani **kuarantin wajib selama sepuluh (10) hari** di stesen kuarantin yang telah ditetapkan.
37. Soalan: **Adakah kos Ujian Saringan COVID-19 ditanggung oleh kerajaan Malaysia?**  
Jawapan: **TIDAK.** Semua implikasi kos Ujian Saringan COVID-19 semasa urusan kemasukan ke Malaysia dan sehingga tamat tempoh kuarantin perlu ditanggung oleh pelajar.
38. Soalan: **Apakah prosedur bagi pelajar baharu antarabangsa dari luar negara yang akan masuk ke kampus?**  
Jawapan: Sila rujuk '[Flow Chart for New Student Returning to UTM](#)' berkaitan Prosedur Kemasukan Pelajar Baharu ke Kampus.  
*Sebarang isu berkaitan Visa sila berhubung dengan Jabatan UTM International seperti mana yang tertera dalam surat tawaran.*
39. Soalan: **Apakah prosedur bagi pelajar antarabangsa sedia ada (pelajar kanan) dari luar negara yang akan masuk ke kampus?**  
Jawapan: Sila rujuk '[Flow Chart for Existing Student Returning to UTM](#)' berkaitan Prosedur Kemasukan Pelajar Baharu ke Kampus.  
*Sebarang isu berkaitan Visa sila berhubung dengan Jabatan UTM International.*
40. Soalan: **Adakah tanggungan pelajar dibenarkan masuk ke kampus sekiranya Pas Tanggungan masih sah?**  
Jawapan: **TIDAK.** Hanya pelajar sahaja yang dibenarkan masuk ke kampus UTM. **Semua pemegang Pas Tanggungan masih belum dibenarkan masuk ke Malaysia.**
41. Soalan: **Adakah pelajar antarabangsa yang kembali dari luar negara perlu menjalani kuarantin wajib sebelum kembali ke kampus?**  
Jawapan: **YA.** Semua pelajar antarabangsa dari luar negara dikehendaki menjalani kuarantin wajib di Stesen Kuarantin yang telah ditetapkan, iaitu selama tujuh (7) hari untuk **pelajar antarabangsa yang menunjukkan laporan ujian RT-PCR COVID-19 semasa Pintu Masuk Antarabangsa dan selama sepuluh (10) hari untuk mereka yang tidak membawa bersama laporan RT-PCR COVID-19.**

42. Soalan: ***Adakah pelajar antarabangsa dibenarkan untuk memilih Stesen Kuarantin?***  
Jawapan: **TIDAK.** Stesen Kuarantin akan ditentukan oleh pihak NADMA.

43. Soalan: ***Berapakah anggaran kos yang perlu dibayar oleh pelajar antarabangsa?***  
Jawapan: Kerajaan Malaysia telah menetapkan anggaran kos seperti berikut:

CAJ BAGI UJIAN PENGESANAN COVID-19 DI PINTU MASUK ANTARABANGSA DAN FASILITI KKM	
UJIAN PENGESAHAN COVID-19 FI	
RT-PCR	RM250.00
RTK Ag	RM120.00
KOS KUARANTIN	
KOS PENGINAPAN/ PENGOPERASIAN FI	
Kos penginapan (RM150.00/sehari)	RM1,500.00 (kuarantin 10 hari) RM1,050 (kuarantin 7 hari)
Caj Tetap (Pengoperasian Stesen Kuarantin)	RM2,600.00

(\*Surat KPT & FAQ KPT bertarikh 15 Februari 2021)

44. Soalan: ***Adakah pelajar antarabangsa dibenarkan untuk bergerak sendiri ke UTM selepas tamat tempoh kuarantin?***

Jawapan: **TIDAK.** Pelajar tidak dibenarkan bergerak ke UTM selepas tamat tempoh kuarantin tanpa pengawasan dan pemantaun pihak UTM.

Sila berhubung dengan Pegawai dari Jabatan UTM International untuk urusan pengankutan.

45. Soalan: ***Apakah tindakan yang perlu diambil selepas pelajar antarabangsa selesai kuarantin wajib yang ditetapkan oleh NADMA?***

Jawapan: Wakil UTM akan mengambil pelajar yang telah tamat tempoh kuarantin ke kampus. Surat pengesahan tamat tempoh kuarantin (Release Order) boleh digunakan untuk membuat perjalanan merentas Daerah dan Negeri.

Tarikh Kemaskini:

**24 Februari 2021 | 12:30 pm**  
**Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)**